


agro

PEMANDANGAN Hutan Simpan Royal Belum yang begitu mengasyikkan.



ROSLAN BAH LOK menunjukkan cara-cara untuk memasak makanan masyarakat kaum Jahai di dalam buluh.



Oleh ASHRIQ FAHMY AHMAD
ashriq.ahmad@utusan.com.my



Pengetahuan tradisional khasiat herba

Penyelidik UPM bekerjasama dengan Orang Asli kumpul pengetahuan manfaat tumbuhan hutan

KAUM Asli Jahai merupakan antara masyarakat nomad yang mendiami Semenanjung Malaysia sejak ribuan tahun dahulu.

Mereka merupakan Orang Asli daripada suku Negrito, banyak menghuni kawasan pedalaman terutama Timur Laut Perak dan sebelah Barat Kelantan.

Kebanyakan mereka selesa tinggal di kuala-kuala sungai atau di pesisiran tasik dengan kehidupan yang sederhana dan amat mengenali selok-belok belantara.

Kehidupan yang serba sederhana menyebabkan kadar survival masyarakat Orang Asli Jahai amat tinggi dan bergantung sepenuhnya kepada sumber hutan sama ada untuk makanan dan juga kesihatan menerusi pelbagai sumber tumbuhan herba.

Bagaimanapun, arus permodenan sedikit sebanyak menyebabkan ilmu berkenaan tumbuhan herba semakin terhakis.

Sekumpulan penyelidik dari Jabatan Rekreasi dan Ekopelancongan, Fakulti Perhutanan, Universiti Putra Malaysia (UPM) mengambil inisiatif menjalankan kajian berkenaan nilai perubatan herba Orang Asli tersebut baru-baru ini.

Diketuai **Dr. Shazali Johari**, staf dan pelajar sarjana serta ijazah mereka cuba memahami cara hidup Orang Asli Jahai terutama pengetahuan berkenaan tumbuhan herba yang digunakan.

Jelas Dr. Shazali, penyelidikan yang dilakukan adalah secara keseluruhan bermula dari sudut sosial, ekonomi serta pengetahuan tumbuhan herba Orang Asli Jahai.

"Masyarakat Orang Asli Jahai merupakan antara suku kaum Asli asas di negara ini dan mereka telah berada di sini ribuan tahun dahulu.

"Pasti pengetahuan mereka berkenaan hutan serta sumbernya amat luas,



ANTARA tumbuhan herba yang digunakan oleh kaum asli Jahai, Ubi Spring, sebagai makanan harian dan tenaga.

diperturun dari generasi ke generasi.

"Jika pengetahuan mereka ini tidak direkodkan, tidak mustahil suatu hari nanti segalanya akan pupus kerana kita tahu mereka juga sedang berubah menjadi moden seperti dunia luar," katanya.

Dr. Shazali berkata demikian ketika ditemui di perkampungan Orang Asli Jahai di Sungai Tiang, Royal Belum, Grik, Perak baru-baru ini.

Tambah Dr. Sahazali penempatan kumpulan etnik Jahai terdapat di Air Banun, Sungai Tiang dan pesisir Empangan Temenggor di Perak.

Sementara di Kelantan, mereka lebih tertumpu di Kampung Sungai Rual dan sekitar Jeli serta Hulu Kelantan.

Dalam pada itu laman web Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa) mencatatkan pada amnya, rupa paras kaum asli Jahai ada persamaan dengan orang Habsyi atau

KAUM Asli Jahai lebih gemar hidup di pinggir tasik atau sungai berbanding Orang Asli lain.

Negro di Afrika, suku kaum Negrito di Pulau Andaman dan Aeta di Filipina.

Pengetahuan tentang tumbuhan herba dan hutan kaum asli Jahai amat luas, namun kini hanya beberapa orang sahaja yang masih mengamalkannya.

Di perkampungan Sungai Tiang, amalan perubatan tradisional masih lagi diamalkan oleh beberapa dukun tua seperti **Mamak Tinang**, 77.

Kata Mamak, golongan muda masa kini kurang berminat untuk mempelajari ilmu perubatan tradisional kerana lebih mudah mengambil ubat yang disediakan oleh kerajaan di hospital, klinik ataupun dibeli.

Tetapi bagi dirinya, ubatan moden tidak dapat menandingi tumbuhan herba dan ubatan di hutan dan menjadi lebih mudah didapati jika mengenalinya.

"Saya dapat ilmu ini daripada ibu bapa, belajar dari kecil. Kebanyakan kenal dan ambil pokok-pokok untuk kegunaan sehabian, saya jarang guna ubat moden.

"Sebagai contoh ubi *spring* digunakan untuk makanan harian dan tenaga," katanya.

Jelasnya lagi, pokok hempedu beruang contohnya amat baik untuk membantu mengurangkan penyakit lelah dengan cara merebus akarnya dan diminum.

"Jadam untuk demam, penderah untuk pening kepala, cucuh untuk dijadikan ulam dan juga ubat batuk, pokok atau daun cander guna ketika bersewang (ritual tarian kaum asli) diikat di pinggang.

"Ubi garam, ubi kapor pula untuk makan hari-hari dan buah cicoi boleh dibuat ulam," antara penjelasannya ketika ditemubual kumpulan penyelidik UPM.

Ungkapan dan bahasa Jahai yang digunakan bagi menamakan tumbuhan herba tersebut agak berbeza dengan nama

tempat.

Oleh demikian, kumpulan penyelidik perlu mengambil sampel untuk dikenal pasti di dalam makmal sebelum direkodkan.

Biarpun penglihatan Mamak agak kabur, berjalan agak perlahan namun dia masih mampu memanjat bukit dan meredah sungai menunjukkan lokasi tumbuhan ubatan yang sering dikutipnya kepada kumpulan penyelidik.

Mamak pernah diterkam beruang ketika asyik mencari herba di hutan menyebabkan paha kirinya luka parah namun kejadian tersebut tidak pernah menyekat minatnya.

Selain Mamak, terdapat beberapa lagi dukun di kampung tersebut yang mahir dengan selok-belok hutan serta pengetahuan tumbuhan herba namun disebabkan faktor usia dan bahasa yang sukar difahami mereka tidak dapat ditemui bual.

Dalam pada itu menurut pelajar sarjana Sains (Biodiversiti dan Pemuliharaan Sumber Semula Jadi, Jabatan Biologi, Fakulti Sains, UPM, **Nurul Ayuni Mohd. Nor**, pengumpulan herbarium (sampel tumbuhan) adalah amat penting untuk tujuan rujukan.

Jelasnya, merekod secara bertulis sahaja tidak mencukupi tanpa sampel herbarium tersebut.

"Kajian saya adalah berkenaan tumbuhan aroma dan herba yang digunakan oleh kaum asli Jahai.

"Bagaimanapun aktiviti persampelan pada luar musim bunga menjadikannya agak sukar untuk dilakukan.

"Bagaimanapun, pengalaman bersama masyarakat Orang Asli Jahai amat bermakna, terlalu banyak pengetahuan mereka tentang hutan dan tumbuhan herba," katanya.

Jelas Nurul Ayuni, apa yang dikumpulkan olehnya dan penyelidik lainnya cuma sebahagian kecil sahaja daripada pengetahuan Mamak.

"Masih terlalu banyak lagi tumbuhan herba yang berpotensi untuk dijadikan ubatan tradisional perlu direkodkan," katanya.

Selain Nurul Ayuni, seorang lagi pelajar Ijazah Sains (Pendidikan), Pengkhususan Biologi, **Nadiah Atiqah Mohd. Nasir** turut serta dalam kumpulan penyelidikan tersebut.

Beliau yang menjalankan kajian berkenaan tumbuhan aromatik mengakui pengetahuan masyarakat Orang Asli Jahai dalam selok-belok hutan amat luas.

"Jika tidak direkodkan pasti akan pupus begitu sahaja bagaimanapun untuk melakukannya (penyelidikan) tidak semudah seperti yang disangka.

"Antara cabaran yang saya sendiri lalui adalah untuk memahami bahasa kaum



DR. SHAZALI JOHARI

INFO SUKU KAUM ASLI JAHAI

- Suku asli Jahai merupakan satu daripada suku kaum Negrito iaitu suku kaum yang terkecil berbanding dengan kaum Senoi dan Proto-Malay (Melayu Asli) -Banyak menghuni kawasan pedalaman terutama di Timur Laut Perak dan sebelah Barat Kelantan (Amran Kasimin, 1993).
- Kebanyakan Orang Asli Jahai memilih untuk tinggal sama ada di kuala sungai atau di pesisiran tasik (Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, 2004).
- Lokasi penempatan mereka ialah di Air Banun, Sungai Tiang dan pesisir Empangan Temenggor di Perak.
- Di Kelantan, mereka banyak tertumpu di Kampung Sungai Rual dan sekitar Jeli, Hulu Kelantan (Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, 2008).
- Secara amnya, rupa paras orang Jahai seakan ada persamaannya dengan orang Habsyi atau Negro di Arika, suku kaum Negrito di Pulau Andaman dan Aeta di Filipina.
- Rumah mereka berbentuk pisang sesikat, dibina daripada buluh dan beratapkan daun bertam dan tepus.
- Keadaan rumah yang serba ringkas adalah disebabkan amalan mereka yang suka berpindah-randah.
- Terutama apabila berlaku kematian dan bencana selain tujuan untuk mencari keperluan makanan di kawasan baru.
- Seperti juga masyarakat Orang Asli yang lain, mereka kini sudah memiliki penempatan sendiri dan terbelah dari segala sudut kehidupan melalui bantuan-bantuan oleh pihak kerajaan.

Asli Jahai untuk menamakan pokok serta proses persampelan," katanya.

Bagaimanapun katanya, penyelidikan terhadap Orang Asli Jahai perlu diperbanyak dan dikembangkan dengan lebih meluas dari segenap sudut.

"Kaum Asli Jahai ini telah hidup beribu-ribu tahun lamanya di dalam hutan pasti pengetahuan mereka berkenaan hutan amat banyak.

"Pengetahuan ini semakin berkurang akibat tidak diambil peduli oleh golongan muda mereka mahupun kita secara tidak sedar.

"Oleh demikian kita harus membantu mereka merekodnya agar generasi akan datang dapat mempelajarinya semula secara lebih baik," katanya.

Gambar JEFRI IRAN



ANTARA kemudahan yang disediakan di Kem Sungai tiang, Hutan Simpan Royal Belum, Grik, Perak.



MAMAK TINANG, (kiri) dan Op Bulu (tiga dari kiri), pakar perubatan tradisional kaum asli Jahai, sempat bergambar bersama penyelidik UPM sebelum kumpulan tersebut bergerak ke dalam hutan mencari sampel tumbuhan herba.